

## **KEMAHIRAN INSANIAH DAN KEPENTINGAN PENERAPANNYA DALAM PROGRAM BAKTISISWA PERDANA UniMAP**

Hanum Hassan<sup>39</sup>

Razli Ahmad<sup>40</sup>

Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari<sup>41</sup>

Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapat kerja disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Hal ini kerana Kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek. Selain pencapaian akademik cemerlang, mereka perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan keusahawanan. Pihak majikan pula lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan (in-house training). Proses pembangunan “Soft Skills” ini boleh dilaksanakan kepada semua pelajar meliputi di dalam dan di luar bilik kuliah. Sempena program Baktisiswa Perdana UniMAP (2008) yang telah dilaksanakan, satu kajian telah dilakukan bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran insaniah. Selain itu kajian ini juga diadakan untuk mengkaji apakah elemen kemahiran insaniah paling tinggi diperolehi oleh pelajar dalam program bakti siswa perdana serta objektif ketiga adalah untuk mengkaji persepsi pelajar berdasarkan jantina terhadap penerapan kemahiran insaniah melalui program Bakti Siswa Perdana. Responden kajian ini terdiri daripada 270 orang pelajar UniMAP. Mereka telah mengikuti program Baktisiswa Perdana yang telah diadakan pada penghujung Julai 2008 selama 4 hari. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian dengan menggunakan kaedah Skala Likert. Data-data telah dianalisis menggunakan SPSS Versi 13.0. Dapatan kajian menunjukkan pelajar memberikan tanggapan yang baik terhadap program Bakti Siswa Perdana serta dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Hasil kajian juga mendapati bahawa elemen berkomunikasi dilihat sebagai elemen utama tertinggi diperolehi pelajar berbanding elemen-elemen lain yang dikemukakan. Agak menarik ialah hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan tanggapan daripada pelajar berbeza terhadap kemahiran insaniah yang mereka perolehi sepanjang mengikuti program Bakti Siswa Perdana yang diadakan. Kajian ini akan mencadangkan beberapa pendekatan yang akan memantapkan lagi aspek kemahiran insaniah di kalangan pelajar UniMAP melalui program Bakti Siswa Perdana dimasa akan datang.

### **1. Pengenalan**

---

<sup>39</sup> Hanum Hassan : Pusat Kemahiran Komunikasi Dan Keusahawanan, UniMAP

<sup>40</sup> Razli Ahmad : Pusat Kemahiran Komunikasi Dan Keusahawanan, UniMAP

<sup>41</sup> Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari : Pusat Kemahiran Komunikasi Dan Keusahawanan, UniMAP

Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapat pekerjaan disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Malah terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak menyediakan pelajarnya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Hal ini kerana kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek dan pihak majikan pula lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005). Kajian yang dilakukan oleh Pusat Pembangunan Akademik (CADE) UPM mendapati isu-isu berkaitan dengan kemahiran insaniah berada di tangga ke sepuluh semasa sesi temuduga dijalankan berbanding dengan isu berkaitan akademik yang berada di tangga ke lapan belas (Mohamad Shatar dan Azali Mohamad, 2008). Ini menunjukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan kemahiran insaniah pelajar perlu diberi perhatian yang serius terutama di peringkat Institut Pengajian Tinggi di negara kita.

Selain pencapaian akademik cemerlang, siswazah perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika dan moral profesional.

Bertepatan dengan senario ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Program Bakti Siswa Perdana yang juga merupakan salah satu program dalam '**7 pillars**' yang diperkenalkan di UniMAP iaitu Program Bersama Komuniti. Program '**7 pillars**' ini merangkumi kursus patriotik, berjalan kaki 50 km, bersama komuniti, wacana sosial, kursus kemahiran berkomunikasi dan kursus etiket sosial.

Pada tahun 2008, seramai 1400 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun satu dan 700 buah keluarga yang melibatkan 30 buah kampung di negeri Perlis telah menyertai program ini. Program ini dijalankan selama 3 hari 2 malam, di mana setiap keluarga akan menerima 2 orang peserta untuk menjadi anak angkat mereka. Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan mahasiswa dan masyarakat yang berfikir dinamik, berbudaya dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara di samping memupuk kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Selain itu program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum yang menyertainya.

## **2. Pernyataan Masalah**

Menurut bekas Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed, kegagalan siswazah mendapat kerja adalah disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Beliau berkata selain daripada lemah penguasaan bahasa Inggeris, siswazah didapati berfikir sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat kekitaan dan tiada kemahiran berkomunikasi. Dalam dialog di antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan majikan di negara ini, ramai mengatakan graduan universiti tidak diambil kerja kerana tidak memiliki kemahiran insaniah (Bernama, 2007).

Senario hari ini menunjukkan bahawa IPTA atau IPTS yang berperanan sebagai pembekal sumber manusia untuk mengisi tempat pekerjaan semata-mata tidak lagi dianggap memadai. Hari ini universiti terpaksa "mengejar" kepesatan perubahan supaya proses pembelajaran dan pengajaran pelajar lebih relevan dengan perkembangan terkini. Dalam keadaan yang sedemikian, aspek lain seperti kematangan berfikir, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, kemahiran insaniah di kalangan pelajar yang seharusnya terangkum dalam pendidikan yang bersepadu itu kadangkala tidak menonjol sepanjang pengajian di universiti (Melati, 2007).

Menurut Hussey (dalam Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina, 2005) *soft skills* dianggap kemahiran yang sangat diperlukan dalam bidang industri, maka program-program latihan amat dititikberatkan oleh pihak majikan. Oleh itu industri amat mengharapkan agar peranan dan tanggungjawab memberi pendedahan asas ini diambil alih oleh institusi pendidikan.

Kemunculan isu mengenai penguasaan kemahiran oleh graduan telah mendorong Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menghasilkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT Malaysia sebagai rujukan kepada IPT di Malaysia (Universiti Malaysia Perlis, 2007). Modul yang diperkenalkan ini adalah hasil usaha dan komitmen banyak pihak di kementerian bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan, malah peringkat antarabangsa (Yulpisman, 2006).

Negara akan rugi jika aset negara yang bakal menjadi pewaris masa depan terumbang ambing mencari pekerjaan tanpa kemahiran di dada. Negara amat memerlukan modal insan yang berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan malah di peringkat antarabangsa. Seharusnya siswazah wajar melengkapkan diri dengan memiliki pelbagai kemahiran yang tinggi, berketerampilan, di samping bersahsiah terpuji demi meneruskan kecemerlangan dan kegemilangan bangsa dan negara.

### **3. Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian adalah bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran insaniah dalam program Bakti Siswa Perdana UniMAP. Secara khususnya kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i. Mengkaji persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran insaniah.
- ii. Mengkaji apakah elemen kemahiran insaniah paling tinggi diperoleh oleh pelajar dalam program Bakti Siswa Perdana.
- iii. Mengkaji persepsi pelajar berdasarkan jantina terhadap penerapan kemahiran insaniah melalui program Bakti Siswa Perdana.

### **4. Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak UniMAP mempertingkatkan penerapan kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajarinya. Dapatan daripada kajian ini sudah pasti akan digunakan untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan program Bakti Ssiswa Perdana di masa akan datang.

## **5. Batasan Kajian**

Kajian hanya dilakukan di kalangan pelajar-pelajar baru yang mendaftar diri sebagai pelajar UniMAP pada sesi pengambilan pelajar Jun 2008/2009. Kajian ini tidak melibatkan pelajar-pelajar lama UniMAP. Tumpuan kajian dilakukan adalah untuk meninjau aspek Kemahiran Insaniah sahaja.

## **6. Metodologi Kajian**

Populasi kajian adalah seramai 1400 orang. Sehubungan dengan itu pengkaji hanya menggunakan seramai 270 orang sahaja daripada jumlah tersebut sebagai responden kajian (Sekaran, 1992). Mereka dipilih secara rawak di lokasi di mana mereka menjalani program Bakti Siswa Perdana.

Soalan yang dikemukakan terdiri daripada enam bahagian. Bahagian A yang berkaitan dengan demografi responden dan berskala nominal, manakala empat bahagian lagi iaitu terdiri daripada bahagian elemen kemahiran insaniah iaitu berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan pemikiran kreatif dibina berasaskan skala Likert 1 – 5. Pengkaji meletakkan satu lagi bahagian iaitu Kemahiran Insaniah sebagai pembelehubah bersandar dalam kajian ini. Setiap bahagian mengandungi lapan soalan yang berskala likert. Soalan-soalan telah dianalisis menggunakan SPSS Versi 13.0 .

## **7. Kajian Literatur**

Menurut Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005) dalam satu kajian ke atas Program *Soft Skills* diperkenalkan di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) terhadap 373 orang pelajar dan 49 orang kakitangan akademik mendapati program *Soft Skills* merupakan satu program bersepadu yang mampu menghasilkan bakal jurutera untuk memenuhi kehendak industri dan aspirasi negara yang memerlukan tenaga kerja yang trampil dalam kedua-dua aspek kemahiran teknikal mahupun kemahiran insaniah.

Manakala menurut Abd Rahim, Ariza, Mohd Noor dan Azizah (2007) menerusi kajian yang dibuat ke atas Program Keterampilan Graduan yang dilaksanakan terhadap 293

orang pelajar tahun akhir program diploma dan ijazah sarjana muda mendapati mereka amat berpuas hati dengan program yang dijalankan dan program ini telah banyak memberi manfaat, pengetahuan dan menambahkan keyakinan diri dalam komunikasi, etika dan moral profesional, kerja berpasukan dan kepimpinan, kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, keusahawanan dan Bahasa Inggeris.

Noreen, Mohd Nihra, Mohamad Said dan Mohd Fadzli (2007) pula dalam kajian mereka terhadap Tahap Kesiediaan Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Fizik Di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai berdasarkan kepada tujuh kemahiran generik yang telah digariskan dalam Atribut Graduan UTM mendapati majoriti responden berada pada tahap kesiediaan yang tinggi berdasarkan kepada tujuh kemahiran generik yang dinilai. Hasil kajian juga mendapati bahawa pelajar sangat bersetuju untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Rohanida Abd. Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002) dan Mohd. Hamidi Bin Abdul Hamid (2002) melihat peranan ko-kurikulum dalam membangunkan kemahiran kepimpinan individu. Menurut mereka, aktiviti kokurikulum lebih banyak menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari segi aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.

Esa, Abd. Hadi dan Mohd Salleh (2007) telah menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti sama ada ko-kurikulum yang dilaksanakan di politeknik Malaysia, menerapkan kemahiran generik bagi menyediakan pelajar sebagai bakal pekerja yang berpotensi memenuhi keperluan pihak industri di Malaysia. Hasil kajian mendapati graduan politeknik yang menguasai kemahiran generik setelah mempelajarinya menerusi kokurikulum dapat memenuhi keperluan pihak industri di Malaysia.

## 8. Penemuan dan Perbincangan

**Jadual 1: Demografi Responden**

<b>Jantina</b>	<b>Bangsa</b>			
	<b>M</b>	<b>C</b>	<b>I</b>	<b>S/S</b>
Lelaki	114	44	8	0
Perempuan	71	30	1	2

  

<b>Kelayakan Masuk</b>	<b>SPM</b>	<b>Dip</b>	<b>Mat</b>	<b>STPM</b>
		13	70	111

  

<b>Pengajian Diikuti</b>	<b>Diploma</b>	<b>Ijazah</b>
		21

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati bilangan responden lelaki melebihi responden perempuan. Sebahagian besar responden kajian terdiri daripada keturunan Melayu (185 orang). Manakala dari segi kelayakan untuk memasuki universiti pula didapati pelajar lepasan Matrikulasi mengatasi pelajar lepasan SPM, Diploma serta STPM. Sementara itu, tahap pengajian yang diikuti oleh responden pula menunjukkan bahawa mereka yang mengikuti peringkat Ijazah mengatasi peringkat Diploma.

### Menjawab Objektiviti Kajian 1

Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran insaniah melalui Program Bakti Siswa Perdana yang dilaksanakan. Pengkaji telah menggunakan ujian regresi berganda untuk mengkaji samada pelajar memperolehi kemahiran insaniah melalui program yang dilaksanakan. Dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2 dibawah.

**Jadual 1: Ringkasan Model**

Model	R	R Sq R Square	Adjusted of the estimate	Std. Error
1	934(a)	.872	870	2.09159

Dapatan ini menunjukkan bahawa 87.2% daripada variasi dalam kemahiran insaniah dapat diterangkan oleh keempat-empat angkubah bebas yang dimasukkan kedalam kajian ini. Bakinya sebanyak lebih kurang 13% lagi aspek yang mempengaruhi pembentukan kemahiran insaniah tidak dapat diterangkan melalui kajian ini, tetapi mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain diluar kajian ini.

Bagi mengkaji apakah model ini dapat menerangkan samada pelajar memperolehi kemahiran insaniah melalui program Bakti Siswa Perdana UniMAP maka pengkaji menggunakan ujian ANOVA (Jadual 2).

**Jadual 2; Analisis Varians**

Model	Sum of square	df	Mean square	F	Sig
Reg	7912.012	4	1978.003	452.142	.000(a)
	1159.307	265	4.375		

Jadual ini menunjukkan bahawa nilai  $F$  yang diterbitkan ialah  $452.142 > 265$  ( $4.d.k$ ). Apa yang dapat disimpulkan ialah model ini berjaya menerangkan fenomena yang dikaji iaitu pelajar sememangnya memperoleh kemahiran insaniah melalui program Bakti Siswa Perdana UniMAP dengan memuaskan. Paras keertian yang didapati juga sangat baik ( $p < .01$  ( $Sig. -.000$ )).

### Menjawab Objektif Kajian 2

Ujian statistik diskriptif juga dibuat untuk mengkaji apakah elemen kemahiran insaniah paling tinggi diperolehi oleh pelajar dalam program Bakti Siswa Perdana.

**Jadual 3: Analisis Diskriptif**

Dimensi KI	N	Mean	Sis. Piawai
Berkomunikasi	270	33.1	5.21
Kerja berpasukan	270	21.1	4.46
Kepimpinan	270	32.3	5.83
Pemikiran Kreatif	270	30.4	5.67

Berdasarkan Jadual diatas, didapati nilai mean untuk komunikasi (33.1) lebih tinggi berbanding dengan nilai mean untuk dimensi-dimensi lain. Berada di tempat kedua ialah nilai mean untuk Kepimpinan (32.3). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa komunikasi merupakan elemen kemahiran insaniah yang paling tinggi diperolehi oleh pelajar yang menyertai Program Bakti Siswa Perdana UniMAP, ini diikuti oleh elemen kepimpinan, pemikiran kreatif dan akhir sekali elemen kerja berpasukan.

### Menjawab Objektif Kajian 3

Akhir sekali kajian mendapati bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan tanggapan pelajar berdasarkan jantina yang berbeza terhadap dimensi penerapan kemahiran insaniah dalam program Bakti Siswa Perdana. Dalam hal ini, ujian ANOVA telah dilakukan untuk mengkaji samada wujud perbezaan tanggapan berkenaan.

**Jadual 4: Analisis Varians**

Model	Sum of square	df	Mean square	F	Sig
-------	---------------	----	-------------	---	-----

Reg	148.701	3	49.567	1.478	.221
	8922.618	266	33.544		
	9071.319	269			

Berdasarkan Jadual 4 di atas, didapati nilai F yang muncul ialah  $1.478 <$  daripada 266 (*3.d.k*). Paras keertian yang diperolehi  $p > .01$  (.221). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan diantara pelajar pelbagai kaum dalam kajian ini terhadap kemahiran insaniah yang mereka perolehi. Pengesahan kepada kenyataan ini juga Ujian Post - Hoc (*Scheffe dan Bonferroni*) turut dijalankan. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara persepsi pelajar dengan kemahiran insaniah yang mereka perolehi semasa menjalani program Bakti Siswa Perdana UniMAP.

## 9. Rumusan dan Perbincangan

Memenuhi objektif kajian pertama, dapatan menunjukkan bahawa pelajar telah memperolehi kemahiran insaniah melalui Program Bakti Siswa Perdana. Dapatan ini hampir sama dengan dapatan kajian Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005) bahawa program-program bersepadu yang dilaksanakan oleh pihak universiti berupaya menghasilkan pelajar-pelajar kejuruteraan yang terampil dalam pelbagai aspek. Dapatan ini membuktikan bahawa program-program bersifat bersepadu seperti Program Bakti Siswa Perdana yang melibatkan pelajar mampu melahirkan nilai kemahiran insaniah kepada pelajar berkenaan.

Sehubungan dengan itu, program seperti ini perlu digalakkan di universiti kerana hasilnya terbukti positif serta seperti yang diharapkan berlaku. Tidaklah sukar untuk melaksanakan program ini kerana di Universiti sendiri mempunyai segala kemudahan dan keperluan yang dikehendaki untuk melaksanakannya. Satu isu yang mungkin perlu diberi perhatian penting dalam hal ini ialah untuk mengenalpasti apakah modul yang sesuai dilaksanakan yang mampu membentuk kemahiran insaniah kepada para pelajar yang menyertainya. Tanpa modul yang serasi atau sesuai digunakan, kita khuatir program seumpama itu akan dilihat sebagai “program syok sendiri” sahaja.

Menarik untuk dilihat ialah mengapa elemen berkomunikasi disifatkan sebagai elemen kemahiran insaniah paling tinggi diperolehi oleh pelajar sebagaimana ditunjukkan melalui dapatan kajian ini. Namun apa yang jelas ialah dapatan kajian ini adalah seperti yang selalu dibayangkan oleh ramai bahawa program seperti Bakti Siswa Perdana akan meningkatkan tahap komunikasi dalam kalangan peserta yang terlibat dengan keluarga angkat serta masyarakat di sekitar. Semakin ramai peserta terlibat maka aspek komunikasi dikatakan semakin terbuka dan meluas. Jika ini merupakan satu lumrah maka dapatan kajian ini juga hampir menyamai dengan dapatan kajian yang dilakukan



oleh Abd Rahim, Ariza, Mohd Noor dan Azizah (2007) yang menyatakan bahawa program-program seperti keterampilan graduan yang dilaksanakan telah banyak memberi munafaat kepada pelajar dalam pelbagai aspek termasuk aspek berkomunikasi.

Selain daripada bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar yang menyertai program Bakti Siswa Perdana, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum yang menyertainya. Oleh itu dapatan kajian yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan tanggapan dikalangan pelajar pelbagai kaum dalam konteks kemahiran insaniah yang mereka perolehi adalah satu petanda yang positif. Memperolehi kemahiran insaniah dalam persekitaran pelbagai kaum seperti di Malaysia adalah sangat penting ini kerana secara realitinya masyarakat di Malaysia terpaksa menerima hakikat bahawa mereka hidup dalam ruang sosial yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sudah tentu kemahiran insaniah dalam konteks ini akan membantu meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

## **10. Cadangan Kajian Lanjutan**

Berdasarkan dapatan kajian ini, maka kajian-kajian akan datang wajar dilakukan bagi meningkatkan lagi pengetahuan kita tentang kemahiran insaniah yang diperolehi oleh para pelajar yang menyertai sesuatu program anjuran IPT.

Kajian yang telah dijalankan ini hanya menumpukan kepada empat daripada tujuh elemen Kamahiran Insaniah (yang diperakukan oleh KPT). Sehubungan dengan itu kajian-kajian di masa akan datang wajar juga untuk meninjau tiga lagi elemen kemahiran insaniah yang tidak dimasukkan dalam kajian ini seperti kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional serta pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat.

Adalah diharapkan jika kajian-kajian yang menyentuh tiga lagi aspek kemahiran insaniah dapat dilakukan maka pengetahuan kita dalam hal ini akan dapat ditingkatkan, justeru pelbagai lagi idea serta modul dapat diaplikasikan dalam usaha meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar IPT.

## **11. Kesimpulan**

Keupayaan pelajar untuk berada dalam pasaran pekerjaan dalam kalangan lepasan IPT di Malaysia merupakan satu isu utama yang sering diperkatakan. Banyak teori serta rumusan telah dibuat berkaitan hal ini. Namun satu perkara yang sah dan jelas dalam konteks ini ialah perbincangan kita tidak lari daripada memperkatakan tentang kemahiran insaniah ddikalangan pelajar. Sehubungan dengan itu pendekatan-pendekatan yang tersendiri atau berstruktur perlu dilakukan oleh pihak IPT dalam usaha meningkatkan kemahiran insaniah kepada pelajarnya.

Dalam konteks ini Program Bakti Siswa Perdana yang telah dilaksanakan di UniMAP telah berupaya meningkatkan kemahiran insaniah pelajar terutamanya kemahiran-

kemahiran seperti berkomunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan serta pemikiran kreatif patutlah dihargai oleh pelajarnya sendiri.

Namun begitu, kesedaran pelajar tentang perlunya memiliki kemahiran insaniah perlu di terapkan lagi setelah mereka melalui program seperti ini. Program-program lain yang bersifat mengukuhkan serta memantapkan lagi kemahiran insaniah perlu dilaksanakan agar kemahiran insaniah secara berterusan wujud serta diamalkan oleh setiap individu pelajar.

## Rujukan

1. A. Esa, M.Y. Abd Hadi, Dan B. Mohd Salleh. Peranan Ko-Kurikulum Di Politeknik Dalam Memenuhi Keperluan Pihak Industri Di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007, 12-14 Disember 2007 Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor.
2. Abd Rahim Ramli, Ariza Ibrahim, Mohd Noor Che A. Rahman Dan Azizah Endut. Program Ketrampilan Graduan Untuk Pelajar Universiti Darul Iman Malaysia Tahun 2007. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007, 12-14 Disember 2007 Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor.
3. Haslinda @ Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali (2005). Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan . Kertas kerja yang dibentang di Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Di Hotel Aseania, Langkawi 17-18 Disember 2005.
4. Melati Mohd Ariff (2007). "Menggilap Kecemerlangan Menara Gading" di laman web [www.bernama.com/bernama/v3/bm/printable.php?id=277666](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/printable.php?id=277666)
5. *Mohamad Shatar dan Azali Mohamad (Prof Dr), (2008), The University – Industri Linkage: The Role Of Student Development Services Profesional. Paper Presented in Regional Convention On Student Development, Phuket, Thailand ) October 29th – 31th, 2008, Organized by Universiti Utara Malaysia.*
6. Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002). "Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam" Maran: Perniagaan Qomarul Roihan.
7. Noreen Mohd Esam, Mohd Nihra Haruzuan Mohamad Said, Mohd Fadzli Ali (2007). Tahap Kesediaan Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Fizik Di Fakulti Pendidikan Utm, Skudai. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007,

12-14 Disember 2007 Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor.

8. Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
9. Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (2<sup>nd</sup> Edition). New York: John Wiley & Sons, Inc.
10. Yulpisman Asli (2006) Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah. di laman web <http://blis.bernama.com/mainHome.do>
11. Bernama News (2007). Ketiadaan Kemahiran Insaniah Punca Siswazah Menganggur, Kata Mustapa. Di laman web <http://blis.bernama.com/mainHome.do>